

# Ketegasan PM dapat sokongan

8/11-12/12/2007  
**K**UALA LUMPUR: Pelbagai pihak menyifatkan ketegasan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang sentiasa mengutamakan keselamatan rakyat berbanding kebebasan awam sebagai konsisten dengan dasarnya yang menjurus kepada usaha mengutamakan kepentingan majoriti rakyat negara ini.

Mereka meminta kerajaan supaya tidak menangguh tindakan menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) terhadap mana-mana pihak termasuk pemimpin parti pembangkang yang cuba menggugat keselamatan negara.

Pengerusi Pusat Pengajian Sejarah Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Rashila Ramli, berkata kenyataan Abdullah adalah konsisten dengan dasar negara selama ini.

"Apabila bercakap soal keselamatan, ia merangkumi banyak peringkat dan dimensi. Jadi kalau daripada aspek tradisional, dimensinya ialah mementingkan negara tapi aspek bukan tradisional pula ialah keselamatan manusia atau insan.

"Dalam mencari kedua-duanya kadang-kadang penggunaan kuasa dan akta terpaksa digunakan," katanya ketika dihubungi *Berita Harian*, di sini, semalam.

Kelmarin, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan beliau akan sentiasa mengutamakan keselamatan rakyat berbanding kebebasan awam, terutama ketika risikan polis mendapati wujudnya rancangan untuk menimbulkan pergaduhan dan keganasan lain.

Exco Pemuda Umno, Datuk Pirdaus Ismail, berkata Perdana Menteri tidak perlu melayan kehendak pihak yang ingin menimbulkan kekecohan dan huru-hara sehingga menjejaskan keselamatan rakyat dan penganjur perhimpunan haram hanya berniat menimbulkan kekecohan serta mengeruhkan keadaan.

Pengarah Institut Sosial Malaysia (ISM), Prof Madya Dr Mohamed Fadzil Che Din, berkata adalah tepat untuk mengutamakan keselamatan rakyat berbanding kebebasan awam kerana sikap manusia berubah mengikut keadaan.

"Perdana Menteri terpaksa mengutamakan isu keselamatan rakyat kerana fasa saling interaksi dan harmoni yang sudah dilalui dalam pembangunan negara cuba digugat segelintir pihak yang berfikiran tidak matang," katanya.

Naib Presiden Majlis Peguam, Ragunath Kesavan, berkata ISA tidak perlu digunakan sebaliknya mereka yang bersalah didakwa mengikut undang-undang sedia ada.

Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Syed Ali Alattas, berkata semua pihak perlu terus mengekalkan keharmonian di negara ini bagi menjamin keselamatan orang ramai menjalankan aktiviti.